

Pameran 'KepadaMu Kekasih' Sempena Ramadhan 1431 di Balai Seni Lukis Negara

*Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur
10 Ogos–30 September 2010*

Tengku Sabri Tengku Ibrahim

Universiti Multimedia

sabri.ibrahim@mmu.edu.my

Saya ingin bercerita tentang kekasih, pengalaman bersama kekasih atau rayuan seorang manusia yang dilanda kebingungan: Satu pandangan mengenai Pameran KepadaMu Kekasih, sebuah pameran seni rupa sempena Ramadhan 1431H, di Balai Seni Lukis Negara, 20 Ogos 2010.

Artis dan Ramadhan

Isteri saya Mastura telah dijemput untuk menyertai pameran yang bertajuk 'KepadaMu Kekasih' (KMK) di Balai Seni Lukis Negara (BSLN) yang berlangsung pada Ogos–September 2010. Pameran seni rupa ini diadakan sebagai menyambut bulan Ramadhan 1431. Pada 20 Ogos, perasmian pameran berserta majlis berbuka puasa dan solat tarawih telah diadakan. Mastura telah menghantar sebuah catan bahan campuran, berukuran 4 x 4 kaki, yang bertajuk 'Kalimah



Gambar 1 Kulit depan katalog pameran

yang Baik'. Selain merayakan Mastura dan majlis, saya pergi untuk terus menikmati 'hidangan estetika' yang dikemukakan KMK. Ketua Pengarah BSLN, Ambassador Dato' Mohd Yusof Ahmad menulis, "pameran...diilhamkan bersempena dengan kedatangan bulan Ramadhan yang mulia...Pegiat seni lukis (baca: seni rupa) juga terus berkarya sebagai memenuhi tuntutan santapan jiwa seni dan juga sebagai sumber saraan hidup. Maka dijemput sejumlah pegiat seni untuk menzahirkan segala puji-pujian ke atas keagungan Yang Maha Esa, Pencipta Semesta Alam melalui paparan seni lukis (baca: seni rupa) dengan gaya serta inspirasi sanubari yang tersendiri" (Ambassador Dato' Mohd Yusof 2010).

Ucapan syabas dan tahniah diberikan kepada BSLN untuk pameran KMK ini. Sekurang-kurangnya terdapat dua perkara yang patut dipelajari daripada kenyataan Ketua Pengarah BSLN dalam prakata di katalog pameran.

Pertama, tentang seni rupa diterima/difahami sebagai satu bentuk kerja dalam Islam—yang melaluinya kita boleh berusaha untuk membenarkan wahyu Allah swt.

Kaitan seni rupa dengan Islam memang telah lama ada dalam perkembangan Seni Rupa Malaysia (SERUM). Artis dan sarjana Dr. Haji Sulaiman Esa misalnya, telah membawa gagasan seni Islam pada dekad 1980-an dan 1990-an melalui karya-karya dan kerja-kerja kuratorialnya, dengan merujuk kepada idea pemikir-pemikir Islam semasa seperti Ismail dan Lamyah Faruqi dan Seyyed Hossein Nasr. Selain itu ada juga artis-artis Melayu/Islam lain yang terus-menerus menanggapi 'idea ketuhanan' dan seni Islam dalam pendekatan yang berbeza-beza dan tersendiri. Pada kali ini, BSLN telah menyediakan sebuah forum untuk seni Islam terus berkembang. KMK divisi oleh Ketua Pengarah BSLN untuk menjadi "sebagai suatu pengisian program tahunan menjelang Ramadhan" (Ambassador Dato' Mohd Yusof 2010). Alhamdulillah. Kita dapat terbuka puasa dan bersolat tarawih bersama-sama.

Kita tentunya mahu melihat hal ini berkembang dengan baik—tidak putus dan bukan hanya menjadi acara tahunan pada 'bentuk' nya sahaja.

Kedua, tentang seniman dan karya-karyanya diterima/difahami dalam memainkan dan mempunyai peranan/tugas/tanggungjawab besar/penting untuk pembinaan dan perkembangan sesebuah masyarakat/negara/tamadun.

KMK dijadikan sebagai 'pameran jualan' apabila seniman boleh meletakkan harga pada karya-karya mereka. Jika sesebuah karya itu dapat dijual maka 10% daripada harga jualan akan didermakan kepada tabung kebajikan. Idea memasyarakatkan seni berkembang baik dalam KMK. Kedua-dua pihak, seniman dan pengumpul seni rupa, diingatkan tentang keberadaan golongan yang kurang bernasib baik dan sebagainya dalam masyarakat.

Idea Kebingungan dalam lagu KepadaMu Kekasih

Tajuk pameran KMK, diangkat daripada tajuk sebuah lagu M. Nasir, komposer dan penyanyi terkenal tanah air. Pada hari perasmian, M. Nasir sendiri tampil menyanyikan lagu yang seni katanya ditulis oleh Eunosasah. Mari kita hayati dan 'fahami' idea KMK ini melalui seni katanya. Saya susun seni kata lagu secara bebas—mengikut mudah faham, rangkap demi rangkap dengan beberapa tanda baca seperti koma dan tanda soal.

1. *KepadaMu Kekasih; Aku berserah; Kerana kutahu Kau lebih mengerti; Apa yang terlukis di cermin wajahku ini; Apa yang tersirat di hati, bersama amali.*

2. *KepadaMu Kekasih; Aku bertanya; Apakah Kau akan menerimaku kembali?; Atau harus menghitung lagi segala jasa dan bakti?; Atau harus mencampakkanku ke sisi tanpa harga diri?*
3. *Hanya padaMu Kekasih; Aku tinggalkan jawapan yang belum kutemukan; Yang bakal aku nantikan; Bila malam menjemputku lena beradu.*
4. *KepadaMu Kekasih; Aku serahkan jiwa dan raga, jua segala-galanya; Apakah Kau akan menerima penyerahan ini?; Apakah Kau akan menerimaku dalam keadaan begini?*

Kita boleh melihat rangkap-rangkap lagu KMK sebagai satu doa seseorang yang mencari jawapan kepada persoalan yang menghantui dirinya; katakanlah pencari itu bernama AKU. Apakah AKU sedang bertaubat—menyesali perbuatan dan tindakannya dahulu?

Rangkap pertama melukiskan suatu pernyataan bahawa Mu Kekasih (baca: Allah) adalah Yang Maha Mengetahui, al-'Alim. Maka inilah AKU ya Allah. Kau mengetahui segala isi hati AKU dan apa yang telah AKU lakukan.

Rangkap kedua pula adalah suatu gambaran was-was AKU terhadap Allah, atau kepada diri AKU sendiri. Apakah Allah akan menerima AKU? Siapakah yang '*harus menghitung segala jasa dan bakti?*' Siapakah yang '*harus mencampakkanku ke sisi tanpa harga diri?*' AKU sendiri atau Allah? Suatu gambaran kebingungan—takut-takut tidak diterima Allah, lalu hitungan di antara 'jasa bakti', pahala dan 'tanpa harga diri', dosa perlu dilakukan semula.

Rangkap ketiga agak pasif, mungkin. Kebingungan yang dialami AKU pada rangkap kedua ditinggalkan, atau juga dibawa sampai ke waktu tidur? Atau juga rangkap ketiga itu bukan pasif, tetapi aktif sebenarnya—AKU terus-menerus mencari jawapan kepada persoalan-persoalan tadi, pada rangkap kedua. Terus-menerus bingungkah AKU?

Rangkap keempat pula seolah-olah AKU telah berputus asa dengan persoalan rangkap kedua dan ketiga, lalu AKU serahkan segalanya kepada Allah—untuk menerima AKU atau tidak. Menerima untuk ke mana atau sebagai apa—ke syurga dan penghuni syurga?

Saya cenderung untuk melihat AKU yang dilukiskan dalam lagu KMK itu sebagai seorang yang bingung dan sangat mengharapkan Allah untuk menerima seadanya keadaan dirinya. Idea 'usaha' AKU supaya diterima Allah tidak dibayangkan dengan jelas dalam seni kata KMK—AKU berserah kerana telah bosan dengan penantian kepada jawapan persoalan-persoalan kaburnya. Kabur—apakah persoalan AKU sebenarnya? Hanya menyeru kepada Allah, yang AKU anggap sebagai kekasih, dan seolah-olah 'mendesak' Allah supaya menerima AKU seadanya?

Lagu KMK adalah doa atau rayuan seorang AKU yang bingung dan malas untuk berusaha mengikut panduan Allah (baca: Al-Quran), tetapi semata-mata hanya mengharapkan penerimaan Allah. Perihal Allah sebagai kekasih hanya jelas sebagai al-'Alim, Yang Maha Mengetahui, seperti ditulis pada rangkap pertama seni kata lagu. Rangkap-rangkap lain tidak menjelaskan siapa kekasih itu kecuali harapan AKU untuk diterima kekasih.

Saya lebih suka kalau doa Asma ul-Husna, yang menyebut nama-nama Allah dijadikan idea atau tema kepada pameran KMK ini, berbanding dengan idea 'kebingungan' yang dibawa oleh lagu nyanyian dan ciptaan M. Nasir itu. Suka juga saya sebutkan bahawa Ramadhan adalah suatu bulan yang menarik. Pada bulan Ramadhanlah turunnya al-Quran—yang didefinisikan Allah sebagai petunjuk untuk manusia, dan penjelasan kepada petunjuk itu dan juga pembeza di antara hak dan batil (Terjemahan al-Quran 2: 185). Maka marilah sama-sama kita hayati al-Quran, supaya tidak terus-menerus menjadi bingung dan hanya mengharapkan penerimaan Allah semata-mata tanpa usaha.

Susunan Pameran KMK: Seperti di dalam Gua dan Bazar Ramadhan?



Foto 2 Ruang pameran 1

Pendengaran dan penglihatan saya menjadi hampir tidak seimbang apabila memasuki ruang pameran KMK. Gelap. Itu reaksi estetika saya yang mula-mula. Hampir kesemuanya berlatarbelakangkan hitam. Alasannya kerana ia merupakan bekas ruang pameran video dan kesuntukan masa untuk menyediakan ruang lain. Karya-karya banyak—memenuhi ruang Galeri Reka yang kecil berbanding dengan ruang-ruang pameran lain di BSLN. Ruang galeri dipenuhi pula dengan dinding pameran mudah-alih yang disusun seperti labirin tidak sudah—dan semuanya gelap, kelabu tua atau hitam, juga, memuatkan karya-karya. Saya rasa lemas—karya-karya tidak dapat 'bernafas' dengan baik; saya tidak dapat menikmati sesebuah karya dalam jarak sejauh mana sekalipun kerana karya yang bersebelahan akan mengganggu.



Foto 3 Ruang pameran 2

Lalu, kebingungan visual berlaku dan ini mengganggu dalam menanggapi karya-karya yang dipamerkan. Saya bertemu banyak kaligrafi Arab (...sehinggakan kurator pameran menulis, "kebanyakan pelukis (baca: seniman) mengambil jalan mudah dengan menggunakan kaligrafi sebagai pendekatan untuk menyampaikan maksud tema..."), corak-corak Arabes dan Batik, dan tidak terkecuali juga palitan ekspresionisme dan hawa seni konseptual. Namun tidak ada satu pun karya yang dapat saya nikmati secara saksama kerana 'hiruk-pikuk' susunan bahan dan ruang pameran.

'Hiruk-pikuk' ini juga terbawa dengan karenah pengunjung yang menjadi khalayak KMK pada petang perasmian itu. Bagus—BSLN sudah berjaya membawa masuk ramai orang daripada pelbagai golongan masyarakat. Ada yang membelek karya yang tergantung. Ada yang terpinga-pinga melihat karya itu karya ini. Saya kembali teringat kepada bazar Ramadhan di tempat saya.

Idea Proses Kuratorial yang Gagal: Jangan dibiarkan Berterusan

Saya tiada niat untuk merendah-rendahkan apalagi mentertawakan sesiapa. Maafkan saya jika ternyata saya melebih-lebihkan—namun saya tidak mahu melihat apa yang dikatakan '*failed curatorial process*' itu berlaku (Tengku Sabri 2010a; 2010b), terutamanya dalam pameran-pameran anjuran BSLN.

Marilah kita sama-sama renungi dan pelajari pameran KMK ini supaya tidak terus-menerus gagal. Visi KMK amat baik—usaha sudah ada, sama-samalah kita mengisinya dengan cara atau proses kuratorial yang mampu mendidik dan melestarikan kesenian di negara ini, Malaysia.

Rujukan

Ambasador Dato' Mohd Yusof Ahmad, ed. 2010. *KepadaMu Kekasih (Yang Maha Esa)*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.

Tengku Sabri. 2010a. *Nota rampai SERUM (2): buku, Kurator & mahalnya big & beautiful*. http://www.facebook.com/#!/note.php?note_id=124011884305719/(accessed 9 June 2011).

_____. 2010b. *Nota rampai SERUM (5): Pameran seni rupa & idea kuratorial di Tsabri Facebook notes*. http://www.facebook.com/#!/note.php?note_id=132334686806772/(accessed 12 July 2011).

Terjemahan al-Quran. 1971. Madinah: Mujamma' Malik Fahd Li Thiba'at Al Mush Haf Asyysarif & Kementerian Urusan Agama Islam, Wakaf, Da'wah dan Irsyad Kerajaan Saudi Arabia.